

12 MAR 2000

Umno-Calon (Tanjung Karang)

UMNO TANJUNG KARANG CALONKAN MAHATHIR DAN ABDULLAH

TANJUNG KARANG, 12 Mac (Bernama) -- Umno bahagian Tanjung Karang hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Badawi masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu yang bermesyuarat hari ini turut mencalonkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman untuk jawatan naib presiden.

Calon ketiga naib presiden terpaksa dilakukan melalui pengundian apabila perwakilan menamakan Datuk Seri Najib Razak dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib.

Selepas pengundian, Najib menerima 79 undi manakala Muhammad memperolehi 41 undi.

Walaupun jumlah perwakilan yang layak mengundi pada mesyuarat itu seramai 380, kebanyakan mereka hadir hanya pada sesi sebelah pagi untuk memilih tujuh perwakilan ke mesyuarat pemilihan parti.

Ramai perwakilan tidak hadir pada sebelah petang kerana hujan lebat.

Ketua Umno Bahagian Datuk Muhamed Aini Taib yang ditemui selepas mesyuarat itu berkata bahagian itu pada dasarnya sudah memutuskan untuk mencalonkan Abu Hassan, Ghani dan Najib untuk jawatan naib presiden.

"Tapi kita tidak tahu sentimen perwakilan. Tiba-tiba seorang mencalonkan Muhammad, jadi kita cuma adakan pengundian antara Najib dan Muhammad," katanya.

-- BERNAMA

AZH KM LAT